

# RHUMANOL CREAMAGEL

Diclofenac diethylammonium 1.17g (equivalent to diclofenac sodium 1.00g)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Rhumanol
2. Bagaimana Rhumanol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Rhumanol
4. Cara menggunakan Rhumanol
5. Semasa menggunakan Rhumanol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Rhumanol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Rhumanol

Rhumanol digunakan untuk merawat keadaan keradangan otot seperti otot terseliah dan ketegangan, *tenonitis* (peradangan pada tendon) dan kecederaan tisu lembut. Penyediaan ini adalah untuk rawatan jangka pendek sehingga dua minggu.

## Bagaimana Rhumanol berfungsi

Rhumanol mengandungi diclofenac sodium dan ia diklasifikasi dalam kelas ubat penahan sakit yang dikenali sebagai *Non-Steroid Anti-inflammatory Drug (NSAID)*.

Ia berfungsi dengan menghalang pengeluaran bahan tertentu dalam badan yang boleh menyebabkan keradangan, kesakitan, dan bengkak di dalam otot dan tisu lembut.

## Sebelum menggunakan Rhumanol

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Rhumanol:

- Jika anda alah atau hiperpeka terhadap diclofenac, propylene glycol atau bahan kandungannya yang disenaraikan di akhir risalah ini.
- Jika anda pernah mengalami reaksi hipersensitif seperti gejala asma, alahan *rhinitis* (radang membran mukus hidung) atau *urticaria* (gatal-gatal), aspirin (ubat yang digunakan untuk mengurangkan demam, kesakitan dan mencegah pembekuan darah) atau *non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAID)* lain.

Jangan gunakan ubat ini jika anda mempunyai mana-mana keadaan seperti yang disenaraikan. Jika anda tidak pasti,

dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

### - Sebelum menggunakan Rhumanol

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda:

- Mempunyai alahan terhadap apa-apa ubat, makanan, pengawet atau pewarna
- Menghidapi atau pernah menghidapi ulser, pendarahan dan penembusan pada perut and usus
- Mengalami masalah jantung
- Mengalami trombosis (pembekuan darah di dalam saluran darah)
- Mengalami tekanan darah tinggi
- Mengalami masalah buah pinggang
- Mengalami masalah hati

Rhumanol mungkin menyebabkan alahan reaksi kulit yang serius seperti dermatitis eksfoliatif, nekrolisis epidermis toksik, sindrom Stevens-Johnson. Simptom-simptom adalah kulit melepuh dan mengelupas. Jika anda fikir anda mengalami reaksi alahan ubat, sila jangan ambil ubat itu dan berjumpa dengan doktor segera.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, dapatkan keterangan lanjut daripada doktor anda.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubat yang didapatkan tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan Rhumanol. Adalah penting untuk anda memberitahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil:

- Ubat-ubatan untuk mengikat protein: contoh. Salicylates untuk mengikat protein dalam plasma darah
- Antikoagulan: ubat untuk mencegah pembekuan darah
- Diuretik: ubat untuk meningkatkan pengeluaran air kencing

### - Semasa Mengandung dan Menyusu Bayi

Rujuk kepada doktor anda sebelum anda mula menggunakan Rhumanol sekiranya anda sedang menghamil, bercadang untuk menghamil, sedang menyusu atau ingin

menyusu bayi. Doktor anda akan mengimbangkan risiko dan kebaikan pengambilan ubat ini.

## Cara menggunakan Rhumanol

Sentiasa ambil Rhumanol seperti mana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapu krim ke kawasan kulit yang terjejas 3 hingga 4 kali sehari. Cuci tangan anda dengan teliti selepas menggunakan. Ubat ini tidak digalakkan untuk digunakan lebih daripada 2 minggu. Jangan sapu ke kawasan kulit yang terbuka.

Ubat ini adalah untuk kegunaan luaran pada kulit sahaja.

### Kanak-kanak

Sila berjumpa dengan doktor sebelum anda mula menggunakannya.

### - Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

### - Berapa lama perlu digunakan

Sila ambil ubat anda sepertimana yang diarahkan oleh doktor anda. Ubat ini berfungsi untuk mengawal keadaan anda tetapi bukan untuk menyembuhkannya. Adalah penting untuk anda terus mengambil ubat ini walaupun anda telah berasa sihat.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos anda dengan segera apabila anda ingat dan teruskan mengambil Rhumanol seperti biasa. Jika hampir masa kepada dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada waktu yang ditetapkan.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan dos berlebihan Rhumanol tidak akan menyebabkan kesan sampingan yang serius. Jika anda rasa sakit atau tidak selesa, anda mesti segera maklumkan kepada doktor anda atau pergi ke hospital terdekat

untuk mendapat rawatan. Bawa bersama bungkusan atau baki gel yang selebihnya dengan anda.

Antara simptom terlebih dos termasuk:

- Tekanan darah rendah
- Kegagalan buah pinggang
- Pergerakan badan yang tidak teratur
- Sakit perut
- kekurangan pernafasan

Tanya doktor atau ahli farmasi anda, sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini.

### **Semasa menggunakan Rhumanol**

#### - Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda ketika menggunakan Rhumanol. Sekiranya anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain termasuk ubat yang diambil tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda perasan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil semasa menggunakan Rhumanol, maklumkan kepada doktor anda.
- Jika anda merancang mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Rhumanol.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil Rhumanol tanpa merujuk kepada doktor anda. Adalah amat penting untuk tetap mengambil ubat anda walaupun anda sudah sihat.
- Jangan mengambil Rhumanol selepas melebihi tarikh luput yang dinyatakan pada tiub dan kotak ubat.
- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun tanda-tandanya sama seperti anda.
- Jangan sapu pada luka kulit atau luka terbuka.
- Jangan biarkan Rhumanol bersentuhan dengan mata atau membran mukus, dan tidak boleh diambil melalui mulut.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Memandu dan menggunakan mesin. Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Rhumanol terhadap anda

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat lain, Rhumanol boleh mendatangkan kesan sampingan kepada pesakit walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda perasan sebarang kesan-kesan sampingan berikut yang merisaukan anda :

- Terutamanya reaksi kulit, contoh. ruam kulit, gatal-gatal, kemerahan, bersisik kulit, bocor cecair dan lain-lain.
- *Contact dermatitis*, ruam kulit, lepuhan berisi cecair, *erythema multiforme* (reaksi hipersensitif), sindrom Stevens-Johnson, nekrolisis epidermis toksik.

Berikut adalah kesan sampingan yang serius. Anda mungkin perlu diberi perhatian perubatan yang segera.

- Ruam kulit dengan lepuh; gatal
- Asma (kesesakan bernafas)
- Kebengkakan pada bahagian muka, bibir, lidah atau tekak
- Kulit sensitif kepada cahaya matahari. Tanda-tanda mungkin ialah selaran matahari, gatal-gatal, bengkak dan lepuh.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda perasan reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *reporting*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Rhumanol**

#### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang sejuk dan kering di bawah suhu 30° C.

Jauhi daripada kanak-kanak.

#### - Pelupusan

Jangan gunakan Rhumanol setelah tamat tempoh seperti yang dinyatakan pada kotak atau tiub ubat. Jika anda diarahkan oleh doktor untuk berhenti mengambil Rhumanol atau ia telah melebihi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk mengendalikan baki ubat tersebut.

### **Maklumat lanjut**

#### - Rupa dan warna produk

Rhumanol Creamagel adalah gel berwarna putih, legap dan kelihatan seperti krim.

#### - Bahan-bahan kandungan

##### - Bahan aktif

Setiap Rhumanol Creamagel mengandungi 1.17g diclofenac diethylammonium (bersamaan dengan 1.00g diclofenac sodium)

##### - Bahan tidak aktif

Liquid paraffin, cetiol V, perfume RS 1655, diethylamine, isopropyl alcohol, propylene glycol, purified water dan carbomer 934.

#### - Bungkusan

Ia dibungkus di dalam tiub aluminium 20g yang kemudian diletakkan di dalam kotak karton.

#### - Nombor MAL

MAL19983982A

### **Pengilang**

T.O. Chemicals (1979) Ltd.  
280 Soi Sabajai, Suthisarn Rd.,  
Bangkok 10320,  
Thailand.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

IMEKS Pharma Sdn Bhd.  
No.5&9, Jalan Udang Harimau 2,  
Medan Niaga Kepong,  
51200 Kuala Lumpur

### **Tarikh kemaskini**

08/09/2015

### **Nombor siri:**

BPFK(R4/1)020915/00294